

Menilai Impak Zakat Emas Perhiasan terhadap Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia

[Evaluating the Impact of Gold Jewellery Zakat on Early Childhood Education in Malaysia]

Ahmad Hazman Ali¹, Azyantee Mohd Zawawi² & Haslinda Hasim³

¹ (Corresponding Author) Faculty of Management and Human Development, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kota Bharu, Malaysia, hazman@kias.edu.my

² Centre of Core Study, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kota Bharu, Malaysia, azyantee@kias.edu.my

³ Faculty of Management and Human Development, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kota Bharu, Malaysia, haslinda@kias.edu.my

ABSTRACT

Although zakat collection in Malaysia, including zakat on gold jewelry, has increased consistently, its direct impact on early childhood education remains insufficiently explored. Existing studies primarily focus on the legal and administrative aspects of gold jewelry zakat, with limited attention to its role in long-term human capital development. At the same time, early childhood education is widely recognized as a strategic investment in human capital development, especially for children from low-income families. This study therefore explores the potential of gold jewelry zakat as a targeted social finance instrument to support early childhood education in Malaysia. This study employs a qualitative conceptual approach, using thematic analysis of selected literature and policy documents related to zakat, early childhood education, social investment, and Maqasid al-Syariah. The literature was selected based on relevance, academic credibility, and contextual suitability to Malaysia and contemporary Islamic social finance discourse. The analysis focused on identifying dominant themes, research gaps, and conceptual linkages between zakat distribution and early childhood human capital development. The findings reveal a significant gap between the financial potential of gold jewelry zakat and its targeted contribution to early childhood development, as current zakat education initiatives remain largely focused on formal education. In response, the study proposes the ZE-PAKK Model (Zakat Emas–Pendidikan Awal Kanak-Kanak), which positions gold jewelry zakat as a strategic social investment instrument through targeted, impact-oriented educational support. This study contributes to the literature by extending the discourse on zakat from a legal-administrative framework toward a sustainable human capital development perspective aligned with Maqasid al-Syariah.

Keywords: Zakat On Gold Jewellery; Early Childhood Education; Social Finance; Islam; Human Capital Development; ZE-PAKK Model

ABSTRAK

Walaupun kutipan zakat di Malaysia, termasuk zakat emas perhiasan, menunjukkan peningkatan yang konsisten, impak langsungnya terhadap pendidikan awal kanak-kanak masih kurang diterokai. Kajian-kajian sedia ada lebih banyak menumpukan aspek hukum, uruf dan mekanisme pentadbiran zakat emas perhiasan, manakala perbincangan mengenai impak sosial jangka panjangnya, khususnya dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, masih terhad. Pada masa yang sama, pendidikan awal kanak-kanak diiktiraf secara meluas sebagai pelaburan strategik dalam pembangunan modal insan, terutama bagi kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah. Oleh itu, kajian ini meneroka potensi zakat emas perhiasan sebagai instrumen kewangan sosial yang bersasar untuk menyokong pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk konseptual melalui

analisis tematik terhadap literatur terpilih dan dokumen dasar berkaitan zakat, pendidikan awal kanak-kanak, pelaburan sosial dan Maqasid al-Syariah. Literatur dipilih berdasarkan kerelevanan, kredibiliti akademik dan kesesuaian konteks Malaysia serta wacana semasa kewangan sosial Islam. Analisis kajian menumpukan kepada pengenalan tema dominan, jurang kajian dan hubungan konseptual antara agihan zakat dan pembangunan modal insan awal kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan wujud jurang yang ketara antara potensi kewangan zakat emas perhiasan dengan sumbangannya secara khusus terhadap pembangunan awal kanak-kanak, memandangkan inisiatif zakat pendidikan semasa masih tertumpu kepada pendidikan formal. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan Model ZE-PAKK (Zakat Emas–Pendidikan Awal Kanak-Kanak) yang memposisikan zakat emas perhiasan sebagai instrumen pelaburan sosial strategik melalui sokongan pendidikan yang bersasar dan berorientasikan impak. Kajian ini menyumbang kepada literatur dengan memperluaskan perbincangan zakat daripada kerangka perundangan dan pentadbiran kepada perspektif pembangunan modal insan lestari yang selari dengan Maqasid al-Syariah.

Kata Kunci: Zakat Emas Perhiasan; Pendidikan Awal Kanak-Kanak; Kewangan Sosial; Islam; Pembangunan Modal Insan; Model ZE-PAKK

Received : 09.04.2026
Revised : 05.05.2026
Accepted : 13.05.2026
Published : 31.05.2026

How to Cite:

Ali, A. H., Mohd Zawawi, A., & Hasim, H. (2026). Menilai Impak Zakat Emas Perhiasan Terhadap Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 7(1), 68–83

1. Pendahuluan

Zakat merupakan salah satu instrumen teras dalam sistem ekonomi Islam yang berfungsi bukan sahaja sebagai kewajipan ibadah harta, tetapi juga sebagai mekanisme pengagihan kekayaan, pengurangan ketidaksamaan sosial dan pembangunan ummah secara berstruktur. Dalam kerangka kewangan sosial Islam, zakat berperanan sebagai instrumen redistributif yang berpotensi menyokong pembangunan insan dan kesejahteraan sosial apabila diurus dan diagihkan secara berkesan (Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad, 2017). Di Malaysia, institusi zakat telah melalui proses penambahbaikan yang berterusan dari segi tadbir urus, sistem kutipan dan kaedah pengagihan, selari dengan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap peranan zakat dalam menyokong agenda pembangunan sosial dan pendidikan (Azri Bhari et al., 2019).

Seiring dengan perkembangan ini, salah satu komponen zakat yang menunjukkan peningkatan potensi ialah zakat emas perhiasan. Perubahan corak pemilikan emas dalam kalangan masyarakat Islam, khususnya dalam kalangan wanita, telah menjadikan emas perhiasan bukan sekadar elemen perhiasan diri, tetapi juga aset simpanan dan pelaburan jangka panjang dalam struktur ekonomi keluarga (Noraini Saro & Rawi Nordin, 2019). Fenomena ini telah didokumentasikan dalam kajian-kajian zakat emas yang menunjukkan bahawa pemilikan emas perhiasan berada pada tahap yang signifikan dan konsisten, sekali gus menjadikan zakat emas sebagai sumber kutipan yang realistik dan dinamik dalam konteks semasa (Jasni Sulong et al., 2025).

Kajian empirikal di beberapa negeri turut mengukuhkan realiti ini. Pemilikan emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam di Pulau Pinang didapati meluas sehingga mendorong kepada pelarasan fatwa berkaitan nisab zakat emas perhiasan selari dengan perubahan uruf pemakaian semasa (Jasni Sulong et al., 2025). Dalam konteks Kelantan pula, pemilikan dan pemakaian emas perhiasan berfungsi sebagai amalan budaya yang berakar umbi serta simbol status sosial dan aset jangka panjang, dengan corak pemilikan yang boleh diukur dan konsisten merentas latar sosioekonomi (Abdullah et al., 2025). Dapatan-dapatan ini mengesahkan

bahawa zakat emas perhiasan berpunca daripada realiti sosial yang nyata dan bukannya fenomena terpencil atau bersifat elit.

Walau bagaimanapun, peningkatan potensi dan kutipan zakat emas perhiasan tidak semestinya diterjemahkan secara langsung kepada keberkesanan impak sosial. Dalam banyak perbincangan institusi dan kajian akademik, keberkesanan zakat sering diukur berdasarkan jumlah kutipan dan bilangan penerima, manakala penilaian terhadap kesan jangka sederhana dan jangka panjang bantuan zakat terhadap pembangunan insan masih kurang diberikan perhatian secara sistematik (Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad, 2017). Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana zakat, termasuk zakat emas perhiasan, benar-benar berfungsi sebagai instrumen transformasi sosial dan bukannya sekadar mekanisme bantuan kewangan jangka pendek.

Isu ini menjadi lebih kritikal apabila melibatkan kanak-kanak, khususnya pada peringkat awal kehidupan. Dalam struktur pengagihan zakat semasa, kanak-kanak lazimnya dianggap sebagai penerima manfaat tidak langsung melalui bantuan yang disalurkan kepada keluarga atau penjaga, menyebabkan sumbangan zakat terhadap pembangunan kanak-kanak sukar dikenal pasti secara eksplisit (Sakinatul Raadiyah Abdullah et al., 2025). Akibatnya, impak zakat terhadap perkembangan kanak-kanak sering kekal bersifat implisit dan tidak dinilai secara berfokus, walaupun kanak-kanak merupakan kumpulan yang paling terkesan oleh kemiskinan dan kekurangan sokongan awal.

Dalam masa yang sama, literatur pendidikan dan pembangunan insan secara konsisten menegaskan bahawa pendidikan awal kanak-kanak merupakan fasa kritikal dalam pembentukan asas kognitif, emosi dan sosial seseorang individu. Intervensi pendidikan pada peringkat awal kehidupan diiktiraf sebagai pelaburan modal insan yang menghasilkan pulangan jangka panjang yang lebih tinggi berbanding intervensi yang dilaksanakan pada peringkat pendidikan yang lebih lewat, khususnya dalam kalangan kanak-kanak daripada latar sosioekonomi rendah (Bajraktari et al., 2025; OECD, 2025). Pendidikan awal bukan sahaja menyumbang kepada pencapaian akademik yang lebih baik, malah berperanan dalam mengurangkan ketidaksamaan sosial dan memutuskan kitaran kemiskinan antara generasi.

Walaupun kepentingan pendidikan awal kanak-kanak diakui secara meluas, akses kepada pendidikan awal yang berkualiti masih menjadi cabaran utama bagi keluarga berpendapatan rendah dan golongan dhaif, terutamanya akibat kekangan kewangan dan keterbatasan sokongan institusi (OECD, 2025). Dalam konteks sokongan sosial Islam, kajian-kajian berkaitan zakat pendidikan menunjukkan bahawa bantuan zakat memberi kesan positif terhadap motivasi, pencapaian akademik dan kesejahteraan psikososial pelajar asnaf (Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad, 2017; Sakinatul Raadiyah Abdullah et al., 2025). Namun demikian, fokus intervensi zakat pendidikan di Malaysia masih tertumpu kepada peringkat pendidikan formal seperti sekolah dan institusi pengajian tinggi, manakala pendidikan awal kanak-kanak masih kurang diterokai sebagai sasaran khusus agihan zakat.

Keadaan ini memperlihatkan satu jurang yang jelas dalam perbincangan zakat dan pendidikan, iaitu wujudnya potensi kewangan zakat emas perhiasan di satu pihak dan pengiktirafan pendidikan awal kanak-kanak sebagai pelaburan modal insan berimpak tinggi di pihak yang lain, namun hubungan antara kedua-duanya masih belum dirangka secara jelas dan sistematik. Walaupun potensi kutipan zakat emas perhiasan di Malaysia menunjukkan peningkatan dan semakin mendapat perhatian dalam perbincangan institusi zakat, serta pendidikan awal kanak-kanak diiktiraf sebagai pelaburan strategik dalam pembangunan modal insan, hubungan antara kedua-dua domain ini masih belum diterokai secara sistematik.

Keadaan ini menimbulkan satu jurang pengetahuan yang ketara, khususnya dari segi bagaimana dana zakat berpotensi dimobilisasi secara lebih strategik untuk menyokong ekosistem pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu, walaupun terdapat pelbagai inisiatif agihan zakat dalam sektor pendidikan, keberkesanan dan impak langsungnya terhadap perkembangan

holistik kanak-kanak pada peringkat awal—termasuk aspek kognitif, sosial dan emosi—masih belum dapat ditentukan secara empirikal. Ketidajelasan ini menunjukkan bahawa wujud keperluan untuk menilai semula mekanisme peruntukan zakat agar lebih selari dengan keperluan pendidikan awal kanak-kanak yang bersifat jangka panjang dan berimpak tinggi. Literatur zakat emas terus didominasi oleh perbincangan hukum, fiqh dan mekanisme pengiraan, manakala dimensi impak sosial dan pembangunan insan pada peringkat awal kehidupan masih kurang diberi penekanan (Syazwani Abd Rahimi et al., 2025; Jasni Sulong et al., 2025). Justeru, keperluan wujud bagi satu kajian yang menilai secara kritikal kejelasan impak zakat emas perhiasan terhadap pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia, serta meneroka bagaimana zakat emas boleh distrukturkan semula sebagai instrumen pelaburan sosial yang bersasar dan berorientasikan impak jangka panjang.

2. Kajian Literatur

2.1 Zakat sebagai Instrumen Pembangunan Sosial

Dalam literatur kontemporari kewangan sosial Islam, zakat semakin dihuraikan bukan sekadar sebagai kewajipan ibadah harta, tetapi sebagai instrumen pembangunan sosial yang berpotensi menyumbang kepada pengurangan kemiskinan, pemeraksanaan golongan rentan dan pembangunan modal insan secara mampan. Kajian-kajian terdahulu menegaskan bahawa keberkesanan zakat bergantung bukan sahaja kepada jumlah kutipan, tetapi kepada kejelasan sasaran agihan, kecekapan tadbir urus serta keupayaan zakat untuk menghasilkan perubahan bermakna dalam kehidupan penerima manfaat (Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad, 2017; Azri Bhari et al., 2019).

Merujuk literatur kontemporari kewangan sosial Islam, zakat semakin dihuraikan sebagai instrumen pembangunan sosial yang bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan, tetapi juga sebagai alat strategik dalam memperkukuh kesejahteraan sosial, mengurangkan kemiskinan multidimensi, dan membangunkan modal insan secara mampan. Pendekatan ini memperlihatkan zakat dalam kerangka yang lebih luas sebagai bentuk “*social investment*” yang menyumbang kepada pembinaan kapasiti penerima manfaat melalui intervensi ekonomi, pendidikan dan sosial secara bersepadu (Marselia, 2025 & Kamaruddin et al., 2024).

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa zakat memainkan peranan penting dalam menyokong pelbagai dimensi pembangunan manusia, termasuk pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan ekonomi, sekali gus menyumbang kepada peningkatan indeks pembangunan manusia Islam (*Islamic Human Development Index*) (Siswantoro & Ikhwan, 2024 & Nilasari et al., 2025). Dalam konteks pendidikan, agihan zakat dilihat semakin berkembang daripada bantuan berbentuk kebajikan semata-mata kepada intervensi yang lebih bersasar seperti sokongan pendidikan, latihan kemahiran dan pembangunan kapasiti penerima (MAIWP, 2025 & Azri Awra Jihadi, 2025).

Selain itu, sorotan lepas juga menekankan bahawa zakat berpotensi bertindak sebagai pemangkin mobiliti sosial apabila diuruskan secara strategik melalui pendekatan berasaskan impak (*impact-based approach*), di mana dana zakat tidak hanya memenuhi keperluan segera penerima, tetapi turut menyumbang kepada pengukuhan aset manusia jangka panjang seperti pendidikan awal kanak-kanak dan pembangunan kemahiran asas (Qanita, 2024 & Kuanova et al., 2024). Dalam kerangka ini, zakat dilihat sebagai sebahagian daripada ekosistem kewangan sosial Islam yang lebih luas, yang berorientasikan keseimbangan antara kesejahteraan material, sosial dan spiritual.

Sehubungan itu, zakat bukan sahaja berfungsi sebagai instrumen pengagihan semula, tetapi juga semakin diposisikan dalam literatur sebagai mekanisme pembangunan sosial yang

berupaya menyokong agenda pengurangan kemiskinan multidimensi dan pembentukan modal insan yang lebih inklusif dan berdaya tahan dalam jangka panjang (Qanita, 2024; Siswantoro & Ikhwan, 2024).

Dalam konteks Malaysia, perbincangan zakat banyak tertumpu kepada pengurusan institusi, pematuhan syariah dan kecekapan agihan, dengan penekanan terhadap kategori asnaf serta keadilan pentadbiran. Walaupun pendekatan ini penting bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti institusi zakat, beberapa kajian menegaskan bahawa penilaian keberkesanan zakat masih bersifat makro dan kurang memberi tumpuan kepada impak jangka panjang terhadap pembangunan insan, khususnya dalam kalangan kumpulan sasaran yang memerlukan intervensi awal dan berterusan (Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad, 2017).

Walau bagaimanapun, perbandingan terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan wujudnya ketidakseimbangan fokus apabila majoriti kajian kekal terikat kepada aspek perundangan, fiqh dan pentadbiran zakat semata-mata, tanpa memberikan penekanan yang mencukupi terhadap penilaian impak pembangunan jangka panjang. Keadaan ini menimbulkan satu konflik dapatan dalam literatur, iaitu walaupun zakat diiktiraf sebagai instrumen pembangunan sosial, bukti empirikal dan analisis kritikal mengenai kesannya terhadap pembentukan modal insan secara berterusan masih terhad dan tidak dikembangkan secara sistematik.

2.2 Zakat Emas Perhiasan: Fokus Hukum, Uruf dan Mekanisme

Sorotan literatur menunjukkan bahawa zakat emas perhiasan di Malaysia telah dibincangkan secara meluas dari sudut hukum dan fiqh, khususnya berkaitan kewajipan zakat ke atas emas perhiasan, perbezaan pandangan fuqaha serta penggunaan konsep uruf dalam penentuan nisab dan kaedah pengiraan zakat. Kajian-kajian ini menekankan kepentingan penyesuaian hukum zakat dengan realiti sosioekonomi setempat bagi memastikan pelaksanaan zakat kekal relevan dan adil (Azri Bhari et al., 2019; Syazwani Abd Rahimi et al., 2025).

Dalam konteks empirikal, kajian di Pulau Pinang dan Kelantan telah membuktikan bahawa pemilikan emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam adalah meluas, konsisten dan boleh diukur, sekali gus menyokong penggunaan uruf sebagai asas penentuan kewajipan zakat emas perhiasan (Jasni Sulong et al., 2025; Abdullah et al., 2025). Namun demikian, kebanyakan kajian zakat emas berhenti pada perbincangan hukum, metodologi pengiraan dan keseragaman pentadbiran, tanpa mengembangkan analisis terhadap bagaimana zakat emas boleh dimanfaatkan secara strategik untuk pembangunan sosial yang lebih berimpak.

Tambahan pula, ketidakseragaman penetapan uruf dan nisab zakat emas antara negeri-negeri di Malaysia telah dikenal pasti sebagai isu utama dalam literatur, terutamanya dari sudut keadilan pentadbiran dan kefahaman masyarakat. Walaupun isu ini dibincangkan secara mendalam, perbincangan tersebut lebih tertumpu kepada aspek teknikal dan normatif, berbanding implikasi sosial jangka panjang hasil pengagihan zakat emas perhiasan (Syazwani Abd Rahimi et al., 2025).

2.3 Zakat Pendidikan dan Impaknya terhadap Pembangunan Insan

Dalam domain zakat pendidikan, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa bantuan zakat memainkan peranan penting dalam menyokong akses pendidikan bagi pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah dan golongan asnaf. Sokongan zakat didapati memberi kesan positif terhadap motivasi pembelajaran, pencapaian akademik serta kesejahteraan psikososial pelajar, terutamanya di peringkat pendidikan formal seperti sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad, 2017; Sakinatul Raadiyah Abdullah et al., 2025).

Walau bagaimanapun, fokus literatur zakat pendidikan di Malaysia masih tertumpu kepada peringkat pendidikan formal, manakala pendidikan awal kanak-kanak kurang diberi perhatian sebagai sasaran khusus agihan zakat. Keadaan ini menyebabkan sumbangan zakat terhadap pembangunan kanak-kanak pada peringkat awal kehidupan masih kurang jelas dan jarang dinilai secara empirikal, walaupun literatur pembangunan insan menegaskan kepentingan intervensi awal dalam membentuk trajektori kehidupan jangka panjang seseorang individu (Sakinatul Raadiyah Abdullah et al., 2025).

2.4 Pendidikan Awal Kanak-Kanak sebagai Pelaburan Modal Insan

Literatur antarabangsa secara konsisten mengiktiraf pendidikan awal kanak-kanak sebagai pelaburan modal insan berimpak tinggi yang memberikan pulangan ekonomi dan sosial jangka panjang. Kajian-kajian pelaburan pendidikan menunjukkan bahawa intervensi pada peringkat awal kehidupan menghasilkan kesan yang lebih besar terhadap perkembangan kognitif, sosial dan emosi berbanding intervensi pada peringkat pendidikan yang lebih lewat, khususnya dalam kalangan kanak-kanak daripada latar sosioekonomi rendah (Bajraktari et al., 2025; OECD, 2025).

Pelaburan dalam pendidikan awal juga didapati berupaya mengurangkan ketidaksamaan pendidikan, meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja masa hadapan serta mengurangkan kebergantungan kepada bantuan sosial dalam jangka panjang. Walaupun bukti empirikal ini kukuh dalam literatur pendidikan dan dasar sosial antarabangsa, hubung kait antara pelaburan pendidikan awal dengan instrumen kewangan sosial Islam seperti zakat masih kurang diterokai secara sistematik.

2.5 Jurang Kajian

Berdasarkan sorotan literatur, dapat dikenal pasti beberapa jurang utama. Pertama, perbincangan zakat emas perhiasan masih didominasi oleh aspek hukum, fiqh dan mekanisme pengiraan, dengan tumpuan terhadap terhadap dimensi impak sosial dan pembangunan insan. Kedua, kajian zakat pendidikan di Malaysia lebih memfokuskan peringkat pendidikan formal, manakala pendidikan awal kanak-kanak masih kurang diterokai sebagai sasaran khusus agihan zakat. Ketiga, walaupun pendidikan awal kanak-kanak diiktiraf sebagai pelaburan modal insan berimpak tinggi dalam literatur antarabangsa, potensi zakat emas perhiasan sebagai sumber pembiayaan pelaburan pendidikan awal masih belum dirangka secara konseptual dan sistematik.

Jurang-jurang ini menunjukkan keperluan kepada satu kajian yang menghubungkan zakat emas perhiasan dengan pendidikan awal kanak-kanak dalam satu kerangka yang jelas, berorientasikan impak dan selari dengan pendekatan pelaburan sosial. Justeru, kajian ini berusaha untuk menilai kejelasan impak zakat emas perhiasan terhadap pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia serta mencadangkan satu model agihan yang lebih bersasar melalui Model ZE-PAKK.

2.6 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai secara kritikal peranan dan potensi zakat emas perhiasan sebagai instrumen pembangunan sosial, dengan memberi tumpuan khusus kepada sumbangannya terhadap pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Berbeza daripada kajian-kajian terdahulu yang menekankan aspek hukum dan mekanisme pengiraan zakat emas, kajian ini memberi penekanan kepada kejelasan impak dan hala tuju agihan zakat emas dalam konteks pembangunan modal insan awal.

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

- i) Mengetahui jurang dalam literatur berkaitan zakat emas perhiasan dan zakat pendidikan di Malaysia.
- ii) Menilai keberkesanan pengagihan zakat emas perhiasan terhadap pendidikan awal kanak-kanak.
- iii) Menghuraikan rasional pendidikan awal kanak-kanak sebagai sasaran strategik agihan zakat emas berasaskan pendekatan pelaburan sosial.
- iv) Membangunkan satu kerangka konseptual Model ZE-PAKK agihan zakat emas perhiasan berorientasikan pendidikan awal kanak-kanak melalui.

2.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan yang signifikan dari sudut teori, praktikal dan dasar. Dari perspektif teori, kajian ini menyumbang kepada literatur zakat dengan memperluaskan perbincangan zakat emas perhiasan daripada kerangka hukum dan fiqh kepada dimensi pembangunan modal insan dan impak sosial. Pendekatan ini membantu mengisi jurang literatur yang masih kurang menghubungkan zakat emas dengan pendidikan awal kanak-kanak sebagai satu bentuk pelaburan sosial yang berstruktur.

Dari sudut praktikal, dapatan kajian ini berpotensi membantu institusi zakat dalam merangka strategi agihan zakat emas yang lebih bersasar dan berorientasikan impak jangka panjang. Dengan menjadikan pendidikan awal kanak-kanak sebagai sasaran strategik, zakat emas berpotensi berfungsi bukan sekadar sebagai bantuan kewangan jangka pendek, tetapi sebagai instrumen intervensi awal yang menyokong pembangunan kognitif, emosi dan sosial kanak-kanak daripada keluarga asnaf dan golongan dhaif.

Dari sudut dasar, kajian ini menyediakan asas konseptual kepada pembuat dasar dan pengurus institusi zakat untuk mempertimbangkan anjakan paradigma dalam agihan zakat, selari dengan prinsip Maqasid Syariah dan pendekatan pelaburan sosial moden. Kajian ini juga membuka ruang kepada penilaian impak jangka panjang zakat emas dalam sektor pendidikan awal, yang seterusnya dapat memperkukuh legitimasi zakat sebagai instrumen pembangunan ummah yang lestari.

3. Skop dan Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian konseptual dan analisis dokumen bagi menilai peranan zakat emas perhiasan sebagai instrumen pembangunan sosial, dengan fokus khusus terhadap sumbangannya dalam menyokong pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Pendekatan ini dipilih kerana isu yang dikaji melibatkan hubungan antara konsep normatif zakat, realiti sosioekonomi pemilikan emas, serta kerangka pendidikan awal kanak-kanak yang memerlukan analisis teoritikal dan konseptual yang mendalam sebelum kajian empirikal dilaksanakan.

Reka bentuk kajian konseptual membolehkan penyelidik menilai secara kritikal perbincangan sedia ada dalam literatur, mengenal pasti pola pemikiran, jurang kajian serta potensi penstrukturan semula zakat emas perhiasan sebagai instrumen pelaburan sosial. Pendekatan ini selari dengan amalan penyelidikan dalam bidang kewangan sosial Islam dan pendidikan, khususnya apabila kajian bertujuan membina atau mencadangkan kerangka baharu berasaskan sintesis literatur dan hujah teoritikal.

Sumber data kajian ini diperoleh sepenuhnya daripada bahan sekunder yang terdiri daripada artikel jurnal berwasit, kertas persidangan, laporan penyelidikan serta dokumen dasar yang berkaitan. Bagi memastikan kesahan dan ketepatan analisis literatur, satu strategi pencarian sistematik telah digunakan melalui pangkalan data akademik utama seperti Scopus,

Web of Science, Google Scholar dan MyJurnal. Kata kunci pencarian termasuk “zakat emas perhiasan”, “zakat pendidikan”, “early childhood education funding”, “social investment zakat” dan “human capital development”. Tempoh penerbitan yang ditetapkan adalah antara tahun 2015 hingga 2025 bagi memastikan literatur yang digunakan adalah terkini dan relevan dengan perkembangan semasa dan bersesuaian.

Terdapat banyak artikel awal telah dikenal pasti melalui proses pencarian tersebut. Seterusnya, proses saringan dilakukan berdasarkan kriteria inklusi dan eksklusi yang telah ditetapkan. Kriteria inklusi merangkumi artikel yang diterbitkan dalam jurnal berwasit atau prosiding persidangan berindeks. Kedua berkaitan secara langsung dengan zakat emas perhiasan, zakat pendidikan atau pendidikan awal kanak-kanak. Kriteria ketiga menggunakan konteks Malaysia atau negara anggota OIC yang relevan, dan yang terakhir ialah artikel yang diterbitkan dalam tempoh sepuluh tahun terkini. Manakala kriteria eksklusi pula melibatkan artikel yang bersifat umum, tidak mempunyai data empirikal yang jelas, serta artikel yang tidak memberi fokus kepada impak atau mekanisme pelaksanaan zakat dalam pendidikan.

Hasil daripada proses saringan tersebut, sebanyak 12 artikel telah dipilih untuk dianalisis secara mendalam berdasarkan kesesuaian dengan fokus kajian. Literatur yang dipilih kemudiannya dikategorikan kepada tiga kluster utama bagi tujuan analisis tematik. Kluster pertama melibatkan kajian zakat emas perhiasan di Malaysia yang membincangkan aspek hukum, penetapan uruf, mekanisme pengiraan nisab serta realiti pemilikan emas dalam kalangan masyarakat Muslim (Azri Bhari et al., 2019; Jasni Sulong et al., 2025; Abdullah et al., 2025; Syazwani Abd Rahimi et al., 2025; Wahid et al., 2021). Kluster kedua pula merangkumi kajian zakat pendidikan yang menilai impak bantuan zakat terhadap motivasi, pencapaian akademik dan kesejahteraan psikososial pelajar asnaf (Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad, 2017; Sakinatul Raadiyah Abdullah et al., 2025; Hassan et al., 2020). Kluster ketiga melibatkan literatur pendidikan awal kanak-kanak dan pelaburan sosial yang menekankan kepentingan intervensi awal dalam pembangunan modal insan serta pulangan sosial dan ekonomi jangka panjang (Bajraktari et al., 2025; OECD, 2025; Heckman, 2019).

Pendekatan analisis literatur ini bukan sahaja menstrukturkan bidang kajian secara tematik, malah membolehkan satu sintesis konseptual dibangunkan bagi menghubungkan potensi zakat emas perhiasan dengan keperluan pendidikan awal kanak-kanak melalui kerangka pelaburan sosial dan Maqasid Syariah di Malaysia.

Pemilihan literatur juga dibuat berdasarkan beberapa kriteria utama, iaitu kerelevanan tema dengan fokus kajian, sumbangan akademik terhadap perbincangan zakat atau pendidikan awal kanak-kanak, kesahihan sumber (artikel berwasit dan laporan institusi bereputasi), serta kesesuaian konteks Malaysia dan antarabangsa. Pendekatan ini bertujuan memastikan analisis yang dijalankan bersifat seimbang, berasaskan bukti dan tidak terhad kepada satu perspektif disiplin semata-mata.

Proses analisis data dilaksanakan menggunakan analisis tematik konseptual. Setiap dokumen dianalisis secara sistematik bagi mengenal pasti tema utama, pola perbincangan, persamaan dan perbezaan dapatan, serta jurang kajian yang wujud. Analisis ini membolehkan penyelidik menilai bagaimana zakat emas perhiasan dibincangkan dalam literatur sedia ada, sejauh mana dimensi impak sosial diberi penekanan, dan bagaimana pendidikan awal kanak-kanak diujahkan sebagai pelaburan modal insan dalam konteks pembangunan jangka panjang. Hasil analisis tematik ini seterusnya digunakan untuk membina hujah konseptual dan merangka Model ZE-PAKK sebagai satu cadangan kerangka agihan zakat emas perhiasan yang berorientasikan pendidikan awal kanak-kanak. Model ini dibangunkan melalui sintesis antara prinsip zakat dalam Islam, dapatan empirikal berkaitan pemilikan emas perhiasan, serta literatur pelaburan pendidikan awal, dengan tujuan menyediakan pendekatan agihan zakat yang lebih bersasar dan berimpak.

Walaupun kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data primer atau analisis statistik, pendekatan konseptual yang digunakan membolehkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap isu yang dikaji serta menyediakan asas teoritikal yang kukuh untuk penyelidikan empirikal lanjutan pada masa hadapan. Oleh itu, kajian ini dilihat sesuai sebagai kajian penerokaan dan pembinaan kerangka awal bagi memperkukuh peranan zakat emas perhiasan dalam menyokong pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

4. Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis tematik terhadap literatur zakat emas perhiasan, zakat pendidikan dan pendidikan awal kanak-kanak, kajian ini mengenal pasti beberapa dapatan utama yang memperlihatkan corak perbincangan semasa, tahap kejelasan impak zakat emas serta jurang yang wujud antara potensi kewangan zakat dan pelaksanaan agihan berorientasikan pembangunan insan awal. Dapatan kajian ini dirumuskan daripada sintesis literatur dan tidak melibatkan analisis data primer, selaras dengan reka bentuk kajian konseptual yang digunakan.

4.1 Dominasi Perbincangan Normatif dalam Zakat Emas Perhiasan

Analisis literatur menunjukkan bahawa perbincangan zakat emas perhiasan di Malaysia masih didominasi oleh aspek hukum, fiqh dan mekanisme pengiraan, khususnya berkaitan kewajipan zakat, penetapan uruf, kaedah penolakan uruf serta isu ketidakseragaman nisab antara negeri (Azri Bhari et al., 2019; Syazwani Abd Rahimi et al., 2025). Kajian-kajian ini memberi penekanan kepada kesahihan hukum dan keadilan pentadbiran, seperti perbahasan sama ada emas perhiasan wajib dizakatkan secara mutlak atau tertakluk kepada uruf pemakaian setempat.

Sebagai contoh, kajian di Pulau Pinang menunjukkan bahawa perubahan uruf pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam telah membawa kepada pelarasan fatwa nisab zakat emas, mencerminkan keanjalan hukum zakat dalam menyesuaikan diri dengan realiti sosioekonomi semasa (Jasni Sulong et al., 2025).

Begitu juga di Kelantan, penetapan uruf emas perhiasan dibuat berdasarkan kajian lapangan terhadap corak pemakaian sebenar masyarakat, sekali gus mengesahkan bahawa zakat emas perhiasan berpunca daripada realiti sosial yang boleh diukur (Abdullah et al., 2025). Walau bagaimanapun, walaupun kajian-kajian ini kukuh dari sudut metodologi penentuan hukum, perbincangan lanjut mengenai bagaimana zakat emas boleh dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan sosial yang lebih strategik masih terhad.

4.2 Kejelasan Impak Zakat Pendidikan yang Terhad kepada Pendidikan Formal

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa perbincangan impak zakat dalam bidang pendidikan di Malaysia lebih jelas dan sistematik pada peringkat pendidikan formal seperti sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa sokongan zakat pendidikan memberi kesan positif terhadap motivasi pembelajaran, pencapaian akademik serta kesejahteraan psikososial pelajar asnaf (Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad, 2017; Sakinatul Raadiyah Abdullah et al., 2025).

Sebagai contoh, bantuan zakat dalam bentuk yuran pengajian, peralatan pembelajaran dan sokongan sara hidup didapati membantu mengurangkan tekanan kewangan pelajar, sekali gus meningkatkan tumpuan terhadap pembelajaran dan pencapaian akademik (Sakinatul Raadiyah Abdullah et al., 2025). Namun demikian, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sokongan zakat pendidikan masih jarang menyasarkan pendidikan awal kanak-kanak secara khusus. Kanak-kanak pada peringkat awal kehidupan lazimnya muncul sebagai penerima

manfaat tidak langsung melalui bantuan kepada keluarga, menyebabkan dampak zakat terhadap perkembangan kognitif dan emosi awal kanak-kanak tidak dinilai secara eksplisit.

4.3 Jurang antara Potensi Zakat Emas dan Kejelasan Impak terhadap Kanak-Kanak

Satu dapatan utama kajian ini ialah kewujudan jurang yang ketara antara potensi kewangan zakat emas perhiasan dan kejelasan impaknya terhadap pembangunan kanak-kanak pada peringkat awal. Kajian empirikal menunjukkan bahawa pemilikan emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam di Malaysia adalah meluas dan konsisten, dengan purata pemilikan yang signifikan sehingga mendorong pelarasan fatwa zakat emas di beberapa negeri (Jasni Sulong et al., 2025; Abdullah et al., 2025).

Walaupun bagaimanapun, potensi kewangan ini belum diterjemahkan kepada strategi agihan zakat emas yang secara khusus menyasarkan pendidikan awal kanak-kanak. Sebagai contoh, walaupun zakat emas dikutip secara berterusan, agihannya masih bersifat umum mengikut kategori asnaf tanpa pengkhususan sektor pembangunan, menyebabkan sumbangan zakat emas terhadap pendidikan awal kanak-kanak kekal tidak kelihatan dan sukar diukur. Dapatan ini menyokong pandangan bahawa isu utama bukan terletak pada kekurangan sumber zakat, tetapi pada ketiadaan kerangka agihan yang berorientasikan impak jangka panjang.

4.4 Pendidikan Awal Kanak-Kanak sebagai Sasaran Strategik yang Kurang Dimanfaatkan

Analisis literatur antarabangsa menunjukkan bahawa pendidikan awal kanak-kanak diiktiraf secara konsisten sebagai pelaburan modal insan berimpak tinggi, khususnya dalam kalangan kanak-kanak daripada latar sosioekonomi rendah (Bajraktari et al., 2025; OECD, 2025). Intervensi awal didapati memberi kesan yang lebih besar terhadap perkembangan kognitif, emosi dan sosial berbanding intervensi pada peringkat pendidikan yang lebih lewat, serta berupaya mengurangkan ketidaksamaan pendidikan dan sosial dalam jangka panjang.

Namun demikian, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengiktirafan terhadap kepentingan pendidikan awal kanak-kanak ini belum diterjemahkan secara sistematik dalam kerangka agihan zakat emas perhiasan di Malaysia. Walaupun literatur zakat pendidikan mengiktiraf peranan zakat dalam menyokong pembelajaran, tumpuan terhadap pendidikan awal masih minimum berbanding peringkat pendidikan formal, sekali gus menyebabkan peluang intervensi awal melalui zakat emas kurang dimanfaatkan.

4.5 Keperluan kepada Pendekatan Agihan Berorientasikan Impak

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan keperluan kepada satu pendekatan agihan zakat emas perhiasan yang lebih bersasar dan berorientasikan impak pembangunan insan. Pendidikan awal kanak-kanak dikenal pasti sebagai sektor strategik yang selari dengan prinsip pelaburan sosial dan Maqasid Syariah, khususnya dalam pemeliharaan akal dan keturunan (Azri Bhari et al., 2019). Keperluan ini menyediakan asas konseptual yang kukuh kepada cadangan Model ZE-PAKK sebagai usaha menstrukturkan semula peranan zakat emas perhiasan daripada bantuan kebajikan jangka pendek kepada pelaburan pendidikan awal yang berimpak jangka panjang.

5. Perbincangan

Perbincangan ini menafsirkan dapatan kajian dengan menghubungkannya kepada kerangka kewangan sosial Islam, literatur zakat kontemporari dan teori pelaburan modal insan. Fokus utama perbincangan adalah untuk menjelaskan mengapa potensi zakat emas perhiasan masih

belum diterjemahkan secara optimum kepada impak pembangunan insan awal, serta bagaimana jurang ini boleh ditangani melalui pendekatan agihan yang lebih bersasar dan berorientasikan impak.

5.1 Zakat Emas Perhiasan: Daripada Kepatuhan Hukum kepada Impak Sosial

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dominasi perbincangan normatif dalam literatur zakat emas perhiasan telah membentuk pemahaman zakat yang menekankan pematuhan hukum dan keseragaman pentadbiran, tetapi kurang memberi ruang kepada perbincangan impak sosial. Walaupun pendekatan ini penting bagi menjamin keabsahan syariah, literatur kewangan sosial Islam menegaskan bahawa zakat juga perlu dinilai berdasarkan keupayaannya menghasilkan perubahan bermakna dalam kehidupan penerima manfaat (Azri Bhari et al., 2019).

Sebagai contoh, fleksibiliti konsep uruf yang digunakan dalam penetapan nisab zakat emas di Pulau Pinang dan Kelantan membuktikan bahawa hukum zakat bersifat dinamik dan responsif terhadap realiti sosioekonomi (Jasni Sulong et al., 2025; Abdullah et al., 2025). Namun, fleksibiliti ini lebih banyak dimanfaatkan pada peringkat penentuan kewajipan, bukan pada peringkat penstrukturan agihan. Keadaan ini menyokong hujah bahawa cabaran utama zakat emas bukan terletak pada hukum, tetapi pada orientasi dasar agihan yang masih cenderung bersifat umum dan jangka pendek.

5.2 Keterbatasan Pendekatan Agihan Zakat yang Bersifat Umum

Perbincangan lanjut mendapati bahawa pendekatan agihan zakat yang tidak mengkhususkan sektor pembangunan tertentu menyukarkan penilaian impak jangka panjang. Dalam konteks pendidikan, bantuan zakat sering diagihkan dalam bentuk sokongan kewangan asas seperti yuran, peralatan atau sara hidup, yang walaupun membantu dalam jangka pendek, tidak semestinya menjamin perubahan trajektori kehidupan penerima manfaat (Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad, 2017). Walau bagaimanapun, pendekatan konseptual yang digunakan dalam kajian ini mempunyai keterbatasan dari aspek ketiadaan data empirikal yang boleh mengesahkan hubungan secara langsung antara pengagihan zakat emas dan hasil perkembangan pendidikan awal kanak-kanak.

Kajian zakat pendidikan menunjukkan bahawa bantuan yang disertai sokongan berstruktur, seperti bimbingan akademik dan sokongan psikososial, memberikan kesan yang lebih signifikan terhadap motivasi dan pencapaian pelajar (Sakinatul Raadiyah Abdullah et al., 2025). Dapatan ini menyokong hujah bahawa agihan zakat emas yang bersifat umum berpotensi menghadkan keberkesanan zakat sebagai instrumen pembangunan insan, khususnya apabila melibatkan kanak-kanak yang memerlukan intervensi awal dan berterusan.

Kajian zakat pendidikan menunjukkan bahawa bantuan yang disertai sokongan berstruktur, seperti bimbingan akademik dan sokongan psikososial, memberikan kesan yang lebih signifikan terhadap motivasi dan pencapaian pelajar (Sakinatul Raadiyah Abdullah et al., 2025). Dapatan ini menyokong hujah bahawa agihan zakat emas yang bersifat umum berpotensi menghadkan keberkesanan zakat sebagai instrumen pembangunan insan, khususnya apabila melibatkan kanak-kanak yang memerlukan intervensi awal dan berterusan.

Walaupun bagaimanapun, pendekatan yang menekankan intervensi berstruktur ini boleh dipersoalkan dari sudut keberkesanan jangka panjang dan kebolehlaksanaan dalam konteks sistem zakat sedia ada. Ini kerana bantuan berbentuk kewangan semata-mata masih memainkan peranan asas yang penting dalam memenuhi keperluan segera penerima, dan tidak semestinya boleh digantikan sepenuhnya oleh intervensi bukan kewangan. Malah, beberapa kajian menunjukkan bahawa bantuan tunai tanpa syarat (*unconditional cash transfer*) juga mampu meningkatkan kesejahteraan isi rumah serta hasil pendidikan melalui peningkatan akses kepada

keperluan asas seperti makanan, kesihatan dan bahan pembelajaran (Fiszbein & Schady, 2009; Bastagli et al., 2016). Dalam konteks ini, keberkesanan zakat tidak hanya bergantung kepada bentuk intervensi tambahan, tetapi juga kepada keupayaan bantuan kewangan untuk mengurangkan kekangan struktur yang dihadapi keluarga asnaf.

Sehubungan itu, timbul perdebatan bahawa pendekatan berasaskan sokongan berstruktur mungkin meningkatkan impak mikro terhadap individu tertentu, namun pada masa yang sama berpotensi menambah kompleksiti pelaksanaan dan kos pentadbiran dalam sistem zakat yang berskala besar. Justeru, keseimbangan antara bantuan kewangan asas dan intervensi berstruktur perlu diteliti secara lebih mendalam bagi memastikan keberkesanan optimum dalam pembangunan modal insan.

5.3 Pendidikan Awal Kanak-Kanak sebagai Ruang Intervensi Strategik

Literatur pelaburan pendidikan secara konsisten menegaskan bahawa pendidikan awal kanak-kanak merupakan ruang intervensi yang paling strategik untuk menghasilkan pulangan jangka panjang dalam pembangunan modal insan (Bajraktari et al., 2025; OECD, 2025). Intervensi pada peringkat awal bukan sahaja meningkatkan pencapaian akademik, malah berperanan dalam membentuk kemahiran sosial, kawalan emosi dan kesediaan pembelajaran sepanjang hayat.

Dalam konteks ini, dapatan kajian menunjukkan ketidaksepadanan antara pengiktirafan pendidikan awal sebagai pelaburan berimpak tinggi dengan amalan agihan zakat semasa yang masih memfokuskan peringkat pendidikan formal. Ketiadaan sokongan zakat yang berstruktur pada peringkat awal kehidupan berpotensi menyebabkan kos pembetulan yang lebih tinggi pada peringkat seterusnya, sama ada dalam bentuk keciciran pendidikan, masalah pembelajaran atau kebergantungan kepada bantuan sosial (OECD, 2025).

5.4 Zakat Emas sebagai Instrumen Pelaburan Sosial

Perbincangan ini menyokong pendekatan yang melihat zakat emas perhiasan sebagai instrumen pelaburan sosial, bukan sekadar mekanisme bantuan kebajikan. Dalam kerangka pelaburan sosial, kejayaan intervensi diukur berdasarkan perubahan jangka panjang terhadap keupayaan individu dan kesejahteraan masyarakat, bukannya jumlah bantuan yang diagihkan semata-mata (Bajraktari et al., 2025).

Zakat emas mempunyai ciri unik sebagai sumber pembiayaan pelaburan sosial kerana ia berpunca daripada pemilikan aset yang stabil dan berulang. Berbeza dengan zakat pendapatan yang terdedah kepada turun naik ekonomi, zakat emas perhiasan menawarkan potensi aliran dana yang lebih konsisten, sekali gus sesuai untuk menyokong program pendidikan awal kanak-kanak yang memerlukan kesinambungan sokongan. Dapatan ini selari dengan hujah bahawa zakat emas boleh distrukturkan sebagai dana pelaburan pendidikan awal yang berimpak jangka panjang.

5.5 Kesepadanan dengan Maqasid Syariah

Dari perspektif Maqasid Syariah, penstrukturan zakat emas perhiasan untuk menyokong pendidikan awal kanak-kanak selari dengan objektif pemeliharaan akal (*ḥifz al-‘aql*) dan keturunan (*ḥifz al-nasl*). Pendidikan awal yang berkualiti membantu membentuk asas pemikiran, nilai dan sahsiah kanak-kanak, yang seterusnya menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang berdaya tahan dan sejahtera (Azri Bhari et al., 2019). Pendekatan ini juga menepati prinsip keadilan sosial dalam Islam, di mana sumber zakat dimanfaatkan untuk mengurangkan ketidaksamaan sejak peringkat awal kehidupan, bukannya sekadar menangani

kesan kemiskinan pada peringkat dewasa. Oleh itu, perbincangan ini menyokong keperluan kepada satu model agihan zakat emas yang berorientasikan pendidikan awal sebagai usaha memperkukuh peranan zakat dalam pembangunan ummah yang lestari.

6. Model ZE-PAKK (Zakat Emas–Pendidikan Awal Kanak-Kanak)


Model ZE-PAKK dicadangkan sebagai satu kerangka agihan zakat emas perhiasan yang menstrukturkan zakat sebagai instrumen pelaburan sosial berorientasikan pendidikan awal kanak-kanak. Model ini dibangunkan berasaskan sintesis dapatan kajian literatur zakat emas, zakat pendidikan dan pelaburan pendidikan awal, dengan tujuan menjelaskan bagaimana potensi kewangan zakat emas dapat diterjemahkan kepada impak pembangunan insan awal yang lebih jelas, bersasar dan berterusan.

6.1 Rasional Pembentukan Model ZE-PAKK

Rasional utama Model ZE-PAKK berpunca daripada dua dapatan penting kajian ini. Pertama, zakat emas perhiasan mempunyai potensi kewangan yang stabil dan berulang hasil daripada corak pemilikan emas perhiasan yang meluas dan konsisten dalam kalangan masyarakat Islam (Jasni Sulong et al., 2025; Abdullah et al., 2025). Kedua, pendidikan awal kanak-kanak diiktiraf secara meluas sebagai pelaburan modal insan berimpak tinggi yang menghasilkan pulangan jangka panjang, khususnya bagi kanak-kanak daripada latar sosioekonomi rendah (Bajraktari et al., 2025; OECD, 2025).

Namun, ketiadaan kerangka agihan yang menghubungkan kedua-dua elemen ini telah menyebabkan zakat emas lebih banyak diagihkan secara umum tanpa sasaran pembangunan khusus. Model ZE-PAKK bertujuan merapatkan jurang ini dengan memposisikan pendidikan awal kanak-kanak sebagai sasaran strategik agihan zakat emas perhiasan.

Rajah 1: Model ZE-PAKK (Zakat Emas-Pendidikan Awal Kanak-Kanak)



6.2 Komponen Utama Model ZE-PAKK

Model ZE-PAKK dibina berasaskan tiga komponen utama yang saling berkait, iaitu sumber dana zakat emas, sasaran agihan, dan mekanisme pelaksanaan.

Pertama, sumber dana model ini ialah zakat emas perhiasan yang dikutip oleh institusi zakat negeri melalui mekanisme sedia ada. Zakat emas dipilih kerana sifatnya yang relatif stabil dan kurang terdedah kepada turun naik ekonomi jangka pendek, sekali gus sesuai untuk menyokong intervensi pendidikan awal yang memerlukan kesinambungan pembiayaan.

Kedua, sasaran agihan Model ZE-PAKK melibatkan tiga kelompok utama, iaitu (i) kanak-kanak asnaf pada peringkat pendidikan awal, (ii) keluarga dhaif yang mempunyai anak kecil, dan (iii) institusi pendidikan awal kanak-kanak yang menyediakan perkhidmatan kepada komuniti berpendapatan rendah. Pendekatan ini memastikan zakat emas tidak hanya memberi manfaat langsung kepada kanak-kanak, tetapi juga memperkukuh ekosistem sokongan pembelajaran awal di peringkat keluarga dan institusi.

Ketiga, mekanisme pelaksanaan model ini menekankan agihan berperingkat dan berstruktur. Agihan zakat emas tidak terhad kepada bantuan kewangan semata-mata, sebaliknya merangkumi sokongan yuran pendidikan awal, pemakanan dan kesihatan asas, bahan pembelajaran, serta program sokongan ibu bapa. Pendekatan ini selari dengan literatur zakat pendidikan yang menegaskan bahawa sokongan pelbagai dimensi memberi kesan yang lebih signifikan terhadap motivasi dan perkembangan kanak-kanak (Sakinatul Raadiyah Abdullah et al., 2025).

6.3 Aliran Pelaksanaan Model ZE-PAKK

Dari sudut aliran pelaksanaan, Model ZE-PAKK bermula dengan pengenalpastian penerima manfaat berdasarkan kriteria asnaf dan keperluan pendidikan awal. Institusi zakat berperanan sebagai penyelaras utama yang bekerjasama dengan institusi pendidikan awal, agensi kebajikan dan komuniti setempat bagi memastikan penyaluran zakat emas dilakukan secara tepat dan bersasar.

Seterusnya, agihan zakat emas dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa perkembangan kanak-kanak, dengan pemantauan minimum terhadap penggunaan dana dan keberkesanan program. Walaupun model ini tidak mencadangkan penilaian impak yang kompleks, elemen pemantauan asas penting bagi memastikan zakat emas benar-benar menyokong objektif pembangunan pendidikan awal.

6.4 Model ZE-PAKK sebagai Pelaburan Sosial

Model ZE-PAKK memposisikan zakat emas perhiasan sebagai instrumen pelaburan sosial yang menekankan perubahan jangka panjang berbanding bantuan jangka pendek. Dalam kerangka pelaburan sosial, kejayaan intervensi diukur berdasarkan peningkatan keupayaan individu dan pengurangan kebergantungan kepada bantuan pada masa hadapan (Bajraktari et al., 2025).

Dengan menyalurkan zakat emas kepada pendidikan awal kanak-kanak, model ini berpotensi mengurangkan kos pembetulan sosial pada peringkat seterusnya, seperti keciciran pendidikan dan masalah pembelajaran, yang sering memerlukan perbelanjaan awam yang lebih tinggi (OECD, 2025). Pendekatan ini menyokong hujah bahawa zakat emas boleh berfungsi sebagai instrumen pencegahan (preventive) dalam pembangunan sosial.

6.5 Kesepadanan Model ZE-PAKK dengan Maqasid Syariah

Dari perspektif Maqasid Syariah, Model ZE-PAKK selari dengan objektif pemeliharaan akal (*hifz al-'aql*) melalui sokongan kepada pendidikan awal kanak-kanak, serta pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasl*) melalui pembinaan asas perkembangan kanak-kanak yang seimbang. Selain itu, model ini turut menyumbang kepada pemeliharaan harta (*hifz al-māl*) dengan

memastikan zakat emas diagihkan secara berkesan dan berimpak jangka panjang, bukannya habis dalam bentuk bantuan jangka pendek yang berulang.

Secara keseluruhan, Model ZE-PAKK menawarkan satu kerangka agihan zakat emas perhiasan yang lebih sistematik, berorientasikan impak dan selari dengan prinsip pelaburan sosial serta Maqasid Syariah. Model ini menyediakan asas konseptual kepada institusi zakat untuk menstrukturkan semula agihan zakat emas sebagai instrumen pembangunan modal insan awal yang lestari.

7. Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa zakat emas perhiasan mempunyai potensi yang signifikan sebagai instrumen pembangunan sosial, namun peranannya masih belum dimanfaatkan secara optimum dalam menyokong pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Walaupun literatur zakat emas telah berkembang dengan kukuh dari sudut hukum, fiqh dan mekanisme pengiraan, dimensi impak sosial dan pembangunan insan, khususnya pada peringkat awal kehidupan, masih kurang diberi penekanan secara sistematik (Azri Bhari et al., 2019; Syazwani Abd Rahimi et al., 2025). Keadaan ini mewujudkan jurang yang jelas antara peningkatan potensi kutipan zakat emas dan kejelasan manfaat jangka panjang yang diterima oleh golongan sasaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan agihan zakat yang bersifat umum dan berorientasikan bantuan jangka pendek menyukarkan penilaian impak serta menghadkan keupayaan zakat untuk berfungsi sebagai instrumen transformasi sosial yang berkesan (Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad, 2017). Dalam konteks pendidikan, sokongan zakat didapati lebih tertumpu kepada peringkat pendidikan formal seperti sekolah dan institusi pengajian tinggi, manakala pendidikan awal kanak-kanak masih kurang diterokai sebagai sasaran khusus agihan zakat, walaupun ia merupakan fasa kritikal dalam pembangunan asas kognitif, emosi dan sosial kanak-kanak (Sakinatul Raadiyah Abdullah et al., 2025).

Seiring dengan itu, literatur antarabangsa secara konsisten mengiktiraf pendidikan awal kanak-kanak sebagai pelaburan modal insan berimpak tinggi yang menghasilkan pulangan jangka panjang kepada individu dan masyarakat, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak daripada latar sosioekonomi rendah (Bajraktari et al., 2025; OECD, 2025). Namun demikian, pengiktirafan ini belum diterjemahkan secara jelas dalam kerangka agihan zakat emas perhiasan, sekali gus menyebabkan peluang intervensi awal melalui zakat emas kurang dimanfaatkan secara strategik.

Berdasarkan hujah dan dapatan kajian, Model ZE-PAKK dicadangkan sebagai satu kerangka konseptual bagi menstrukturkan semula agihan zakat emas perhiasan ke arah menyokong pendidikan awal kanak-kanak secara lebih bersasar, sistematik dan berorientasikan impak jangka panjang. Model ini selari dengan pendekatan pelaburan sosial yang menekankan perubahan struktur kehidupan penerima manfaat melalui intervensi berimpak tinggi, selain menyokong agenda pembangunan modal insan sejak peringkat awal kehidupan. Dalam masa yang sama, model ini turut memenuhi objektif Maqasid Syariah khususnya pemeliharaan akal (*ḥifz al-‘aql*) dan keturunan (*ḥifz al-nasl*) melalui pengukuhan asas pendidikan awal kanak-kanak sebagai asas pembentukan generasi masa hadapan (Azri Bhari et al., 2019). Kajian ini mentakrifkan semula peranan zakat, bukan hanya sebagai mekanisme pengagihan semula, tetapi sebagai instrumen pelaburan strategik dalam pembangunan modal insan pada peringkat awal.

Walaupun kajian ini bersifat konseptual dan tidak melibatkan pengumpulan data primer, ia menyediakan asas teoritikal yang kukuh untuk penyelidikan empirikal lanjutan berkaitan zakat emas perhiasan dan pendidikan awal kanak-kanak. Kajian masa hadapan disarankan untuk menilai pelaksanaan Model ZE-PAKK secara lapangan bagi mengukur impak sebenar zakat emas terhadap perkembangan kanak-kanak, kesejahteraan keluarga dan

keberkesanan institusi pendidikan awal, sekali gus memperkukuh legitimasi zakat emas sebagai instrumen pembangunan sosial berimpak tinggi dalam kerangka kewangan sosial Islam kontemporari (Bajraktari et al., 2025; OECD, 2025).

Rujukan

- Abdullah, M. A., Razaki, M. M., Mohamed, N. A., Nik Mohd Adib, N. A. N., & Che Hassan, L. H. (2025). Penggayaan emas perhiasan dalam majlis keraian: Implikasi uruf zakat di Kelantan. *RABBANICA: Journal of Revealed Knowledge*, 6(2), 11–30.
- Azri Bhari, M., Kamaruddin, M. I. H., & Ramli, A. M. (2019). Zakat sebagai instrumen pembangunan sosial menurut Maqasid Syariah: Analisis konsep dan aplikasi di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 27(2), 257–280.
- Azri Awra Jihadi. (2025). *Analisis zakat dan SDG 4 pendidikan berkualiti*.
- Bajraktari, K., Çibukçiu, B., Çerkini, B., & Bajrami, R. (2025). The long term effects of investments in early childhood education on economic development: A synthesizing approach of recent literature. *Research Square*. <https://doi.org/10.21203/rs.3.rs8187807/v1>
- Bastagli, F., Hagen-Zanker, J., Harman, L., Sturge, G., & Barca, V. (2016). *Cash transfers: What does the evidence say? A rigorous review of programme impact and of the role of design and implementation features*. ODI.
- European Commission. (2025). Early childhood education and care: Building the for lifelong learning. Publications Office of the European Union.
- Fiszbein, A., & Schady, N. (2009). *Conditional cash transfers: Reducing present and future poverty*. World Bank.
- Jasni Sulong, M., Taha, M. M., & Suhaimi, R. (2025). Pemakaian emas perhiasan dan amalan berzakat dalam kalangan wanita Islam di Negeri Pulau Pinang. *Kajian Malaysia*. Advance online publication.
- Kamaruddin, N. M., et al. (2024). *Peranan zakat dan wakaf dalam pembangunan ekonomi*.
- Kuanova, L. A., et al. (2024). *Islamic finance social impact assessment*.
- Marselia, N. (2025). *Zakat as social capital and impact investment model*.
- MAIWP (2025). *Zakat allocation for human capital development*.
- Nilasari, W. A., et al. (2025). *Zakat distribution and Islamic human development*.
- Noraini Saro, & Rawi Nordin. (2019). Zakat emas perhiasan dan implikasinya terhadap pembangunan ekonomi umat Islam. *Jurnal Ekonomi Islam*, 11(1), 45–60.
- Norfariza Mohd Radzi, & Nur Aliza Ahmad. (2017). Zakat pendidikan dan kesannya terhadap pembangunan modal insan dalam kalangan pelajar asnaf. *Jurnal Pengajian Islam*, 10(2), 89–104.
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). (2025). Reducing inequalities by investing in early childhood education and care. OECD Publishing.
- Qanita, A. (2024). *Zakat and multidimensional poverty alleviation*.
- Sakinatul Raadiyah Abdullah, Zulkifli Mohamad, & Siti Hajar Abu Bakar. (2025). Hubungan sokongan zakat pendidikan terhadap motivasi dan pencapaian akademik pelajar: Satu ulasan literatur. *Jurnal Pendidikan Islam*, 40(1), 55–72.
- Siswanto, S., & Ikhwan, I. (2024). *Islamic social finance and human development*.
- Syazwani Abd Rahimi, S., Azizii, S. N. A., Razaly, M. Z., Redzuan, M. A., Aziz, A., & Abdul Rashid, K. A. (2025). Narrative study of zakat gold jewelry (al-huli): Gold mixing issue. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 34(1), 216–227.